

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

RME 453 - Ukur Kerja-Kerja Binaan

Tarikh: 14 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
( 3 jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat dan TIGA Salinan Pelan yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

1. Berdasarkan pelan-pelan yang diberi, sediakan PENENTUAN-PENENTUAN serta SUKATAN KUANTITI untuk kerja-kerja PENANAMAN CERUCUK dengan menggunakan kertas dimensi yang disediakan.

Berikut adalah keterangan-keterangan cerucuk yang digunakan:-

- (a) Saiz: 150mm x 150mm
- (b) Jenis: cerucuk kayu 'tanalised'
- (c) Anggaran dalam melantak di setiap titik : 12m
- (d) Penyambung: daripada keluli dengan ketebalan 5mm, 500mm panjang; berserta plat pembahagi 5mm tebal.
- (e) Ujian bebanan: 20320 kg.

Sila nyatakan andaian-andaian, jika perlu.

(40 markah)

...2/-

2. Mengikut Ceraian 1(a) di dalam Seksyen 1: Prinsip-Prinsip Am; di muka surat 1 - Kaedah Piawai Pengukuran Untuk Kerja-Kerja Bangunan:-

"Senarai Bahan hendaklah dengan penuh menggambarkan bahan-bahan dan tatacara serta mutu pekerjaan dan dengan tepat mencerminkan kerja yang akan dilaksanakan"

Sila bincangkan bagaimana tuntutan ini boleh terhasil.

(20 markah)

3. Salah satu daripada tugas utama Jurukur Bahan adalah untuk membuat Senarai Bahan.

Sila bincangkan kegunaan-kegunaan yang dapat diperolehi daripada Senarai Bahan.

(20 markah)

4. Pemborong-pemborong yang memasuki tawaran dengan membabi buta akan mengalami pembaziran tenaga, waktu dan wang.

Sila bincangkan perkara-perkara yang perlu difikirkan oleh pemborong sebelum mengambil keputusan untuk menender sesuatu projek.

(20 markah)

-ooo00ooo-